

19 JAN 1999

Shariff-Rumah

KERAJAAN KAJI LONGGARKAN SYARAT MILIKI RUMAH

BUTTERWORTH, 19 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengkaji melonggarkan syarat pendapatan isi rumah pemohon rumah kos sederhana rendah (LMS) bagi membolehkan mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah memiliki rumah berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohamed Shariff Omar hari ini berkata, sebelum ini mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah sahaja yang layak membeli rumah berkenaan tetapi banyak rayuan diterima daripada pembeli supaya syarat itu dilonggarkan kepada RM3,000 ke bawah.

Katanya, kebanyakan mereka yang berpendapatan RM3,000 membawa balik gaji bersih yang kurang daripada itu setelah ditolak perbelanjaan atau tanggungan bulanan dan pendapatannya pula tidak mencukupi untuk membolehkan mereka membeli rumah yang lebih mahal.

Bercakap kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Hari Raya Aidil Fitri, Mohamed Shariff berkata beliau akan mengarahkan Bahagian Perumahan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kelonggaran syarat itu daripada kerajaan negeri lain supaya ia dapat dilaksanakan di negeri ini segera.

Katanya, kerajaan negeri tidak perlu mendapatkan kebenaran kerajaan persekutuan untuk berbuat demikian dan adalah difahamkan Selangor telahpun memberikan kelonggaran itu.

Katanya, harga rumah di daerah Timur Laut memang agak tinggi berbanding dengan daerah-daerah lain di negeri ini berikutan harga tanah yang melambung dan sebab itu rumah LMC dibina di daerah itu bagi menggantikan kuota 30 peratus rumah kos rendah bagi setiap projek perumahan di situ.

Beliau juga berkata, umat Islam di negara ini patut bersyukur kerana masih dapat menyambut hari raya dalam suasana meriah walaupun negara dilanda masalah ekonomi.

Katanya, beliau yakin rakyat akan terus memberikan sokongan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana percaya beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk "membebaskan" negara daripada masalah ekonomi dan kegawatan politik.

Mengenai kenaikan harga barang dan kadar tol di lebuh raya, beliau berkata, kerajaan amat peka dengan nasib rakyat dan yakin segala kenaikan itu telah mengambilkira kepentingan semua.

Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan beberapa pemimpin negeri serta parti komponen Barisan Nasional Negeri menghadiri rumah terbuka itu bersama-sama lebih 3,000 penduduk tempatan.

BERNAMA

ZU